

**BULETIN & PSIKOLOGI**  
**BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP**

**BIL. 9 TAHUN 2024**

**SEPTEMBER 2024**

**TAKLIMAT LAPOR DIRI PEMBANTU TADBIR  
UNDANG-UNDANG LANTIKAN BARU TAHUN  
2024**



**PUTRAJAYA, 11 September 2024** – Cawangan Psikologi, Bahagian Pengurusan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP) telah dijemput untuk memberikan taklimat kepada Pembantu Tadbir (Undang-Undang) Gred L19 yang baru. Program ini telah diadakan di Dewan Persidangan Bangunan Annexe Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Putrajaya dan taklimat telah disampaikan oleh Puan Norhafizah binti Mohd Sukri, Penolong Pegawai Psikologi.

Seramai 35 orang Pembantu Tadbir (Undang-Undang) Gred L19 yang telah melapor diri pada hari tersebut. Taklimat tersebut turut mendedahkan tentang misi, visi, serta peranan Cawangan Psikologi dalam Bahagian Pengurusan di Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP).



# KURSUS PEMANTAPAN PASCA AKRAB

## PKPMP TAHUN 2024 :

### ***“WHEN BODY SPEAKS”***



Pelbagai aktiviti telah dijalankan seperti tayangan video, praktikal gaya bahasa badan, serta sesi soal jawab bersama peserta. Program ini juga dapat mengeratkan lagi silaturrahim di antara peserta dan penceramah.



**PUTRAJAYA**, 12 September 2024 – Cawangan Psikologi, Bahagian Pengurusan dan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) telah mengadakan Kursus Pemantapan Pasca AKRAB yang bertajuk “*When Body Speaks*” atau Kursus Bahasa Badan. Program ini telah diadakan di Dewan Banquet, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia. Program ini bertujuan meningkatkan ilmu serta kemahiran kepada ahli AKRAB ketika berhadapan dengan pelbagai isu dalam proses bimbingan. Seramai 50 orang ahli AKRAB telah menyertai program ini. Kursus ini telah disampaikan oleh Tuan Shahrom bin Hassan dari Twins One Global.

## PENAMBAHAN STOK FOODBANK DI MAHKAMAH NEGERI PERLIS



**PERLIS**, 10 September 2024 – Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) Mahkamah Negeri Perlis telah menambahkan stok *foodbank*. Stok *foodbank* yang telah ditambahkan merupakan keperluan asas seperti beras, minyak masak, tepung, gula, kopi dan teh. Pegawai-Pegawai Kehakiman Mahkamah Negeri Perlis juga telah memberikan sumbangan untuk menambahkan stok *foodbank*.

Ahli-ahli Jawatankuasa AKRAB Mahkamah Negeri Perlis akan terus menambahbaik Food Bank dan berusaha untuk membantu rakan-rakan yang memerlukan. Sekiranya rakan-rakan yang kurang berkemampuan memerlukan bantuan keperluan asas boleh berhubung dengan Ahli-ahli Jawatankuasa AKRAB Mahkamah Negeri Perlis

